

Rawatan gigi percuma

sempena UMS Rentas Borneo

UB 23.3.2014 914

KOTA KINABALU: Penduduk yang tinggal berhampiran SK Pementerian, Nabawan, SK Tg. Labian, Lahad Datu dan SK Pinangkau, Beluran berpeluang mendapat rawatan dan pemeriksaan gigi secara percuma sempena program UMS Rentas Borneo bermula 24 hingga 30 Mac.

Dekan Sekolah Perubatan (SPU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr. D Kamaruddin D Mudin berkata, program itu yang julung-julung kali diadakan dalam program khidmat masyarakat sebegini mendapat sokongan dan kerjasama dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).

“Saya sangat berterima kasih dengan komitmen dan sokongan yang diberikan JKNS kerana dengan cara ini, hubungan sedia ada yang terjalin antara UMS dan JKNS dapat dipereratkan lagi,” katanya di sini, kelmarin.

JKNS akan menyediakan kepakaran dengan membawa doktor gigi serta peralatan dan kemudahan pergigian di tiga lokasi iaitu pada 25 Mac di SK Pementerian, 27 Mac di SK Tg. Labian dan 29 Mac di SK Pinangkau.

Kamaruddin meminta agar penduduk yang tinggal di kawasan terbabit untuk hadir membuat pemeriksaan gigi secara percuma.

Tambah beliau lagi, selain daripada aktiviti itu, program UMS Rentas Borneo turut akan mengadakan rawatan kesihatan, persembahan kebudayaan, jom masuk U dan ceramah motivasi.

“UMS Rentas Borneo turut membawa misi mempromosi sambutan ulang tahun ke-20 penubuhan UMS dan program ini merupakan salah satu aktiviti bagi mengisi sambutan itu,” katanya.